

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 APRIL 2016

Pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah hak mutlak anak Sabah - PM

Pakej pertama bermula

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
rodelio.taucan@utusan.com.my

■ PAPAR 24 APRIL

PERDANA Menteri hari ini melancarkan projek pembangunan Lebuhraya Pan Borneo Sabah sepanjang 1,236 kilometer bernilai RM12.8 bilion yang akan menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negeri ini dalam tempoh lima tahun akan datang.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, lebuhraya tanpa tol itu yang akan menghubungkan bandar-bandar utama iaitu Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat dan Tawau bakal membawa pembangunan bersifat lonjakan berterusan untuk mengangkat taraf sosioekonomi masyarakat negeri ini ke tahap lebih tinggi.

Katanya, sejak menjadi sebahagian daripada Malaysia selama 53 tahun, kerajaan Pusat telah membangunkan pelbagai projek di negeri ini, namun kesannya tidak seperti Lebuhraya Pan Borneo yang bersifat menyeluruh dan merupakan titik tolak kepada kepesatan ekonomi Sabah selepas ia disiapkan pada tahun 2021.

"Kita telah buat banyak projek di Sabah. Kita telah buat Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP), Sabah Oil & Gas Terminal (SOGT), Lahad Datu PalmOil Industrial Cluster (POIC), kita wujudkan Universiti Malaysia Sabah (UMS), kita bina jalan raya luar bandar, laksanakan projek bekalan elektrik, air, projek perumahan rakyat dan pelbagai lagi sejak Sabah bersama membentuk Malaysia.

"Tapi kalau kita nilai dalam banyak projek tersebut, dalam membuat perbandingan mana satu projek yang membawa impak paling besar, saya berani kata bahawa projek Lebuhraya Pan Borneo untuk Sabah merupakan projek yang paling besar kesan dan impaknya ke-



NAJIB TUN RAZAK menerima tepukan hadirin selepas melancarkan projek pembangunan Lebuhraya Pan Borneo Sabah di Papar, semalam. Turut hadir **Musa Aman** (dua dari kiri), **Fadillah Yusof** (kanan) dan **Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan** (kiri). - UTUSAN/IRWAN MAJID

pada bumi Sabah," katanya dalam majlis pelancaran itu di Kampung Andus, Papar di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan pemimpin-pemimpin Pusat serta negeri.

Majlis pelancaran itu dihadiri lebih 20,000 rakyat Sabah dari beberapa daerah yang turut menyatakan sokongan padu kepada kepemimpinan Perdana Menteri.

Ucapan beliau turut disiarkan secara langsung melalui persidangan video kepada ribuan lagi rakyat Sabah di Kudat, Keningau, Sandakan dan Tawau.

Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan dilaksanakan melalui model

Perjanjian Rakan Projek Pelaksana (PDP) yang telah dipersetujui oleh tiga pihak iaitu kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. sebagai PDP.

Pakej pertama projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah itu akan turut melibatkan jajaran Papar-Donggongan sepanjang 11.7 kilometer yang merupakan sebahagian daripada 706 kilometer jajaran Pan Borneo Sabah fasa satu.

Najib berkata, Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang terkandung di dalam akujanji Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu merupakan projek yang luar biasa kerana pembinaannya menjadi hak mutlak anak Sabah.

Tegasnya, Lebuhraya Pan Borneo Sabah juga bakal menjadi projek yang paling 'demokratik dan inklusif', justeru, pengagihannya

perlu dilakukan secara teliti dan adil untuk memastikan semua pihak mendapat bahagian tidak kira syarikat besar atau kecil serta kontraktor kelas A dan kelas F.

"Saya kata, jangan bagi pada syarikat dari Semenanjung, kita bagi pada syarikat orang Sabah, konsultan, peguam dan arkitek orang Sabah, dengan syarat mereka ini mampu buat projek, jangan 'songlap duit', buat betul-betul, menepati bajet dan menepati masa sebab ini janji kita pada rakyat.

"Jangan hari ini dapat projek esok jual, kita akan senarai hitam dan bagi pada syarikat yang betul-betul mampu laksanakan. Beri kontrak secara adil jangan pada kroni sahaja atau bagi pada kontraktor kelas A sahaja tetapi bagi juga pada kelas F, inilah semangat di sebalik pembinaan lebuhraya ini," tambahnya.



Lebuhraya Pan Borneo Sabah juga bakal menjadi projek yang paling 'demokratik dan inklusif', justeru, pengagihannya perlu dilakukan secara teliti dan adil untuk memastikan semua pihak mendapat bahagian tidak kira syarikat besar atau kecil serta kontraktor kelas A dan kelas F."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri